

Lembaran pendedahan produk (PDS)

Pelanggan Yang Dihormati

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan maklumat penting kepada anda mengenai Kad Fleet Radius anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati maklumat yang terkandung di dalamnya bermanfaat; anda juga disarankan untuk membacanya dengan teliti.

Maklumat Produk

Kad Fleet Radius membolehkan anda membeli bahan api dan barangan daripada Shell Malaysia secara kredit, dengan bayaran yang perlu dijelaskan setelah invois diterima. Semua transaksi akan digabungkan ke dalam satu invois mingguan terperinci yang mematuhi keperluan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Selain itu, kad ini boleh digunakan bersama skim subsidi kerajaan, iaitu Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) dan Skim Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS).

Ketahui Tanggungjawab Anda

Anda bertanggungjawab untuk membaca terma-terma utama yang berikut:
Anda hendaklah menjaga keselamatan kad fleet anda dan tidak mendedahkan Nombor Pengenal Peribadi (PIN) anda kepada mana-mana pihak.

Yuran dan Caj	Amaun
Yuran Tahunan Kad	RM65
Yuran Portal Radius Velocity	Sehingga 5% daripada jumlah nilai invois
Yuran Kegagalan Debit Terus	RM5
Yuran Semakan Akaun	RM50
Yuran Penggantian Kad	RM15
Yuran Bayaran Lewat	1% daripada nilai tertunggak bagi invois yang belum dijelaskan (minimum RM10 dan maksimum RM100).

Product disclosure sheet (PDS)

Ketahui Risiko Anda

Akibat Pengabaian Tanggungjawab Anda:

Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua transaksi dan kerugian yang timbul daripada penggunaan kad yang hilang, dicuri, dipalsukan (klon), atau PIN yang telah dikompromi bagi tempoh tiga (3) hari selepas pemberitahuan bertulis diterima oleh pihak kami.

Sila hubungi kami dengan segera di talian 603 9212 6655 sekiranya anda kehilangan kad fleet anda atau jika terdapat transaksi tanpa kebenaran dikesan pada kad tersebut.

Terma Utama Lain

1. Sekiranya anda ingin membatalkan atau menarik balik kad atas sebarang sebab, anda hendaklah memaklumkan kepada pihak kami dan memulangkan kad tersebut dalam keadaan penjurunya telah dipotong. Anda tetap bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan menggunakan kad yang dibatalkan atau ditarik balik tersebut sebelum kad berkenaan diterima oleh pihak kami.
2. Caj atau surcaj ke atas harga barangan mungkin dikenakan tertakluk pada lokasi tertentu dan jenis barangan yang dibeli.
3. Pihak kami berhak, mengikut budi bicara mutlak, untuk menetapkan had keselamatan proprietari (seperti nilai maksimum bagi setiap transaksi). Sebarang transaksi yang melebihi had tersebut boleh ditolak.

Hubungi Kami

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan kad bahan api anda, anda boleh:



Hubungi kami di
603 9212 6655



Lawati kami di
radius.com



Email us at
customerservices@radiusfuelsolutions.com